

02/08/1999

Lebih 3,000 koleksi cenderahati dipamerkan di Galeria Perdana

Nor Liza Ahmad

GALERIA Perdana dijangka terus mencatat pertumbuhan pengunjung yang ingin melihat pelbagai koleksi anugerah cenderamata dan hadiah yang diterima oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhammad, berkata galeri berkenaan kini mempamerkan lebih 3,000 koleksi hadiah Perdana Menteri dan isteri.

Menurut statistik, sebanyak 126,447 pelawat turut mengunjungi galeri berkenaan pada 1996 dengan menyumbangkan kutipan sebanyak RM225,139.

Pada tahun berikutnya, jumlah pengunjung meningkat 69 peratus kepada 213,367 orang dengan kutipan bernilai RM473,484. Bagaimanapun pada tahun lalu sebanyak 152,954, menyumbang RM399,007.

Mahani berkata, sehingga Jun lalu, Galeria Perdana turut menerima kunjungan 15,098 pelawat.

"Penurunan pada tahun lalu bukan disebabkan tidak ramai pengunjung tetapi kerana kami tidak mengenakan bayaran kepada kanak-kanak untuk memasuki galeri.

"Ia sebagai memenuhi tanggung jawab sosial dalam mendidik generasi muda bagi menghayati keunikan, kekayaan seni dan budaya pelbagai bangsa di dunia ini," katanya kepada Berita Harian di Langkawi baru-baru ini.

Galeria Perdana mula dibuka kepada orang ramai dari jam 8 pagi hingga 5 pagi dengan bayaran masuk RM3.

Menurutnya, pameran berkenaan juga sebagai merakamkan terima kasih Dr Mahathir dan isteri kepada semua lapisan masyarakat yang menghadiahkan cenderamata dan hadiah.

Pembinaan Galeria Perdana seluas 5,332.74 meter persegi turut menggabungkan dua bangunan dua tingkat bercirikan seni bina oriental. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 3 Disember 1995.

Kedudukannya di Kampung Sungai Kilim bukan sahaja masih mengekalkan keindahan semula jadi malah turut diperindah dengan persekitaran yang cukup menarik dengan landskap daripada pelbagai jenis tumbuhan herba.

Mahani berkata, susunan di pameran berkenaan juga diatur dengan teliti mengikut jenis bahan bagi mewujudkan suasana menarik mengenai warisan kesenian dan kebudayaan dari dalam dan luar negara.

"Pelancong luar, umpamanya begitu bangga apabila menyaksikan hadiah yang dipamerkan dari negara mereka. Malah ada di antara mereka yang langsung tidak pernah melihat koleksi sedemikian," katanya.

Galeri berkenaan yang diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) berupaya menempatkan lebih 8,000 koleksi.

Aras bawah blok A galeri itu mempamerkan hadiah diperbuat daripada kayu, kulit, kristal, laker, alat-alat muzik dan pelbagai jenis batu, manakala tingkat atas untuk koleksi tekstil, alat permainan, senjata, seramik, plak dan kesenian Islam.

Sembilan jenis kenderaan juga dipamerkan di ruang laluan yang menghubungkan kedua-dua bangunan dan foyer blok B.

Pelbagai koleksi jenis logam seperti emas, perak, tembaga putih, besi dan pewter boleh dilihat di bahagian bawah blok B. Sementara tingkat atasnya menempatkan barangan tekstil, perak, kraftangan, seramik, kaca dan anugerah khas Dr Siti Hasmah.

"Kesemua barang pameran adalah hak milik kerajaan dan rakyat Malaysia," katanya.

Mahani berkata, pelbagai usaha turut dirancang bagi menjadikan galeri

berkenaan sebagai daya tarikan kepada orang ramai terutama pelancong luar dan tempatan.

Antara barangan yang dipamerkan termasuk diperbuat daripada tekstil, koleksi kesenian Islam, senjata, seramik, kayu, kulit, kristal dan logam.
(END)